

**Proses Penamaan Calon PRU 13 Dijangka Selesai 10.30 Pagi - SPR  
Bernama  
4 Jun, 2012**

KUALA TERENGGANU, 4 Jun (Bernama) -- Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menjangka proses penamaan calon pada pilihan raya umum ke-13 akan selesai menjelang 10.30 pagi susulan pemansuhan proses pameran dan bantah.

Timbalan Pengerusi SPR Datuk Wan Ahmad Wan Omar berkata tanpa proses itu, tugas memastikan calon yang mahu bertanding bersih dan layak terletak pada pegawai pengurus pilihan raya.

"Dengan pemansuhan ini, kita jangka penerimaan kertas pencalonan amat awal, sekitar pukul 9 hingga 10 pagi berbanding sehingga tengah hari pada PRU (pilihan raya umum) sebelum ini.

"Oleh itu, nama-nama calon ini dijangka diisytiharkan menjelang 10.30 pagi dan tempoh bertugas SPR menjadi singkat, namun harus diingatkan tanggungjawab kita akan meningkat sebab semua kuasa terletak kepada pegawai pengurus," katanya ketika berucap pada taklimat pilihan raya umum ke-13 bagi pegawai pengurus dan penolong pegawai pengurus negeri Terengganu, di sini Isnin.

Beliau juga menjangka SPR berdepan cabaran yang lebih hebat pada pilihan raya umum akan datang susulan beberapa peraturan baharu yang dikuat kuasa kali ini.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=670759>